

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

**HMT 504 - MORFOLOGI DAN SINTAKSIS  
BAHASA MELAYU LANJUTAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT soalan dalam DUA bahagian – Bahagian A dan Bahagian B.
2. Bahagian A mengandungi Soalan No.1 yang WAJIB dijawab.
3. Bahagian B mengandungi TIGA soalan. Pilih dan jawab DUA soalan sahaja.
4. Jumlah soalan yang perlu dijawab ialah TIGA.
5. Gunakan kertas jawapan yang berbeza:
  - [a] Soalan No. 1 dan No. 2 di atas kertas jawapan 1. Tulis angka '1' di bucu kanan muka depan kertas jawapan.
  - [b] Soalan No. 3 dan No. 4 di atas kertas jawapan 2. Tulis angka '2' di bucu kanan muka depan kertas jawapan.

Bahagian A: Soalan 1 WAJIB dijawab.

1. Berdasarkan **DATA A**, jawab [a] hingga [g] di atas **kertas jawapan 1**.

**DATA A**

Mukhriz menyandar pada kerusinya. Fikirannya cuba menidakkan Adreanna sebagai pembunuh sebenar. Dia kenal wanita itu. Dia arif benar dengan sikap dan prinsip Adreanna. Namun, kewujudan wanita itu di tempat kejadian menyulitkan untuk sebuah pembelaan. Jika tiada saksi dan bukti lain yang boleh membantu, Adreanna akan dihukum gantung. Itu yang merisaukannya.

(<http://www.penulisan2u.my/cerpen-rahsia-seorang-pembunuh/>)

- [a] Kenal pasti golongan kata untuk perkataan yang bergaris, dan berikan justifikasi yang terserlah daripada **DATA A** untuk pengenalpastian golongan kata anda.  
[10 markah]
- [b] Bina rajah pohon morfologi untuk perkataan 'menyulitkan', dan letakkan label kata akar dan kata dasar untuk rajah tersebut. Berikan juga rumus morfografemik untuk perkataan ini.  
[10 markah]
- [c] Dengan menggunakan Payne (2006, cetakan semula 2013), kenal pasti DUA kategori konseptual untuk kata nama atau frasa nama yang terserlah dalam **DATA A**, dan berikan SATU contoh untuk setiap kategori konseptual yang dikenal pasti.  
[5 markah]
- [d] Berikan subkategorisasi untuk 'menyandar' dan 'cuba'.  
[5 markah]
- [e] Kenal pasti SATU ayat kompleks, dan labelkan yang mana ayat matriks dan ayat sematan/pancangan.  
[5 markah]

- [f] Berikan SATU ayat yang mempunyai rumus FK → K FN sebagai predikatnya.  
[5 markah]
- [g] Kenal pasti SATU ayat tunggal dan SATU ayat kompleks sonsang. Dan berikan justifikasi kepada pengenalpastian anda.  
[10 markah]

Bahagian B: Jawab DUA soalan sahaja.

2. Jawab [a] dan [b] di atas **kertas jawapan 1**.

[a] Berikan analisis sintaksis bagi ayat dalam **DATA B** dengan menggunakan konsep sintaksis yang relevan seperti:

- [i] fungsi dalam skema X-berpalang
- [ii] Prinsip Unjuran Lanjutan
- [iii] fenomena pendahanan binari
- [iv] Hipotesis Subjek Dalam- FK
- [v] Gerak- $\alpha$
- [vi] prinsip koordinasi
- [vii] pengindeksan unsur
- [viii] Konvensyen Tikas

Sertakan rajah pohon dalam analisis anda, dan gunakan usulan Poole (2002), di mana-mana yang perlu.

<b>DATA B</b>	
[i]	Apa dia salin tu?
[ii]	Minah dan Tipah menyalin soalan yang diberikan oleh pensyarah itu.
(data hipotetikal)	

- [b] Bagaimanakah pendeskripsian sintaksis teoretis kerangka nahu generatif boleh dilakukan terhadap ayat dalam **DATA C** yang merupakan data sebenar, jika dibandingkan dengan ayat dalam **DATA B** yang merupakan data hipotetikal?

**DATA C**

- [i] Untuk Prof Dr Azmi Hassan sila jawab soalan YB Rafizi, Geostrategis ini apa dia sebenarnya?

(<http://www.sinarharian.com.my/nasional/apa-kisah-di-sebalik-1mdb-1.370091>)

- [ii] Fenomena gerhana matahari separa yang berlaku pagi semalam tidak dilepaskan murid dan guru di Sekolah Kebangsaan Seksyen 13 di sini, yang turut mengadakan pelbagai acara mengenainya.

(<http://www.hmetro.com.my/node/121750?m=1#sthash.xblqqwIX.dpuf>)

[25 markah]

3. Jawab [a] dan [b] di atas **kertas jawapan 2**.

- [a] Apakah yang dimaksudkan dengan konsep Kasus menurut Tatabahasa Generatif? Anda digalakkan untuk menggunakan fenomena Kasus yang terpamer dalam sistem pronominal bahasa Inggeris sebagai contoh.

[10 markah]

- [b] Berdasarkan pemahaman anda tentang konsep Kasus dalam [a], hujahkan bahawa bahasa Melayu juga mempunyai konsep Kasus meskipun Nik Safiah Karim et al. (2008) mendakwa sebaliknya. Gunakan maklumat dalam **DATA D** sebagai bukti hujahan anda.

[15 markah]

**DATA D**

- [i] Mereka menggembirakan saya/kami.
- [ii] Saya/Kami menggembirakan mereka.
- [iii] Saya/Kami menggembirakannya/dia.
- [iv] Dia/\*nya menggembirakan saya/kami.
- [v] Saya menyuruh dia/\*nya menggembirakan mereka.
- [vi] Saya berharap bahawa dia/\*nya dapat menggembirakan mereka.

(data hipotetikal)

4. Dengan merujuk kepada **DATA E**, jawab [a] dan [b] di atas **kertas jawapan 2**.

**DATA E**

- [i] Salmi telah meminjamkan keretanya kepada Halim.
- [ii] \*Salmi telah meminjamkan keretanya.
- [iii] Salleh telah membelikan isterinya kereta Volkswagen Beetle.
- [iv] \*Salleh telah membelikan kereta Volkswagen Beetle isterinya.
- [v] Salleh telah berusaha untuk membelikan isterinya kereta Volkswagen Beetle.
- [vi] \*Salleh telah berusaha untuk dia membelikan isterinya kereta Volkswagen Beetle.

(data hipotetikal)

- [a] Berdasarkan ayat dalam **DATA E**, berikan grid-teta bagi predikat yang bergaris.
- [b] Dengan menggunakan konsep-konsep sintaksis dalam Teori Nahu Generatif, berikan analisis deskriptif terhadap ayat-ayat yang tidak gramatis dalam **DATA E**. Rujuk ayat yang gramatis untuk membantu penjelasan anda.
- [c] Dengan menggunakan skema X-berpalang berserta idea cangkerang/lapisan FK (<>VP-shell), bina rajah pohon bagi ayat (iii), dan huraikan kegramatisan ayat tersebut.

[25 markah]